



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN

TEKANAN BEKALAN GLOBAL TERUS MENDORONG KENAIKAN HARGA PETROL DAN DIESEL TANPA SUBSIDI

Berdasarkan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM), harga runcit produk petroleum tanpa subsidi meningkat bagi tempoh 27 Ogos hingga 2 September 2026. Harga minyak mentah dunia yang kekal tinggi pada minggu lalu telah menjurus kepada kenaikan harga runcit RON97, RON95 tanpa subsidi dan diesel tanpa subsidi masing-masing sebanyak 5 sen seliter.

Ketidaktentuan geopolitik dunia yang berlarutan terus memberi tekanan terhadap harga dan bekalan petroleum global. Sepanjang sebahagian besar tempoh pengiraan APM, harga minyak mentah Brent kekal melebihi AS\$90 setong.

Sekatan trafik di Selat Hormuz yang berterusan terus mengekang bekalan minyak dunia. Selepas 179 hari konflik antara Amerika Syarikat, Israel dan Iran, sekitar 290 juta daripada 400 juta tong minyak yang dipersetujui untuk dilepaskan daripada simpanan kecemasan negara anggota Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA) telah disalurkan ke pasaran setakat Julai 2026. Penyusutan penampakan bekalan ini meningkatkan risiko tekanan harga sekiranya gangguan berterusan.

Pada masa sama, gangguan terhadap kapasiti penapisan di Asia Barat dan Rusia terus mengurangkan bekalan produk petroleum bertapis. Keadaan ini memberi tekanan lebih ketara terhadap harga diesel berbanding petrol, berikutan pasaran diesel global yang semakin ketat.

Walaupun harga minyak mentah dunia menurun pada penghujung tempoh pengiraan APM, penurunan tersebut belum mencukupi untuk mengimbangi paras harga yang lebih tinggi bagi sebahagian besar minggu sebelumnya.

Selagi aliran petroleum melalui Selat Hormuz belum kembali normal dan ketidaktentuan geopolitik berterusan, harga produk petroleum dijangka terus mengalami turun naik ketara dalam tempoh terdekat.

Kerajaan MADANI bertekad untuk melindungi rakyat dan perniagaan daripada tempas keruncingan global ini sebaik mungkin, termasuk dengan mengekalkan subsidi bersasar BUDI MADANI bagi pengguna yang layak.

Bagi pengguna yang layak di bawah BUDI MADANI RON95 (BUDI95), Kerajaan menanggung subsidi sebanyak RM1.83 seliter, sekitar 48% daripada harga

RON95 tanpa subsidi semasa. Bagi pengguna yang layak di bawah BUDI MADANI Diesel (BUDI Diesel) pula, Kerajaan menanggung subsidi sebanyak RM2.62 seliter, atau 56% daripada harga diesel tanpa subsidi.

Dalam keadaan geopolitik yang kekal tidak menentu, rakyat diseru agar terus mengamalkan penggunaan bahan api secara berhemat. Merancang perjalanan yang lebih cekap serta mengurangkan perjalanan yang tidak perlu dapat membantu mengurangkan tekanan terhadap bekalan negara dan perbelanjaan subsidi.

Penetapan harga runcit petrol dan diesel tanpa subsidi bagi tempoh **27 Ogos hingga 2 September 2026** adalah seperti berikut:

Harga Runcit

Bahan Api	Harga Runcit	Perubahan
RON97	RM4.30 seliter (harga 26 Ogos 2026: RM4.25 seliter)	Naik 5 sen
RON95	RM3.82 seliter (harga 26 Ogos 2026: RM3.77 seliter)	Naik 5 sen
Diesel	RM4.72 seliter (harga 26 Ogos 2026: RM4.67 seliter)	Naik 5 sen

Harga petroleum bersubsidi yang dikekalkan adalah seperti berikut:

Bahan Api	Harga Subsidi
RON95 (BUDI95)	RM1.99 seliter
Diesel (BUDI Diesel)	RM2.10 seliter
Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS)	RM2.05 seliter
Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS)	RM2.15 seliter

Melalui BUDI95 dan BUDI Diesel, rakyat Malaysia yang layak terus boleh membeli RON95 dan diesel bersubsidi menggunakan MyKad, tertakluk kepada kelayakan dan baki kelayakan bulanan masing-masing.

Kerajaan MADANI akan terus mengambil pendekatan berhemah bagi melindungi rakyat daripada turun naik harga, di samping memastikan bekalan bahan api negara kekal mencukupi dan terjamin.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

26 Ogos 2026